

## **MPP KUIS terima lawatan MPP KUIN**

**May 5, 2016**

**OLEH SYASYA SUFIAN (<https://selangorkini.my/2016/05/mpp-kuis-terima-lawatan-mpp-kuin/>)**

SHAH ALAM, 5 MEI: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menerima lawatan mahabbah daripada MPP Kolej Universiti Insaniah (KUIN) di Dewan Senat KUIS.

Menurut laman rasmi KUIS, pertemuan itu bertujuan menjalinkan kerjasama dalam aktiviti mahasiswa dan membincangkan hala tuju dan cabaran khususnya berkenaan isu kebajikan.

Pertemuan itu juga bagi mengeratkan ukhwah antara MPP KUIS dan MPP KUIN.

Delegasi pimpinan MPP KUIN diketuai Presidennya, Hilmi Anasat disambut Yang Dipertua MPP KUIS, Muhammad Faridzul Adha Mohd Musa bersama kepimpinan EXCO.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sesi fotografi.

KUIS berharap semoga pertemuan itu dapat menjalinkan ikatan mahabbah berterusan dalam pembinaan generasi pimpinan mahasiswa berilmu dan berintegriti.